

NO. SOALAN: 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] inta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesungguhan Kerajaan dalam menangani isu keselamatan rakyat di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai ESSZONE dan apakah perancangan Kerajaan dalam meningkatkan lagi kawalan keselamatan di kawasan ESSZONE agar kejadian-kejadian culik yang telah terjadi beberapa kali dapat dielakkan. Pelan keselamatan yang lebih efisien perlu dilaksanakan serta merta untuk meyakinkan pelabur, pelancong dan penduduk tempatan bahawa Sabah adalah selamat untuk dikunjungi dan didiami.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat prihatin dan komited dalam menangani isu keselamatan di ESSZONE bagi mengatasi kejadian penculikan di ESSZONE. Penubuhan ESSCOM peringkat awal ialah untuk mempertahankan Negara dari pencerobohan luar. Seiringan dengan itu, ESSCOM juga telah berusaha untuk membentras jenayah rentas sempadan yang sering berlaku. Usaha-usaha tersebut yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan adalah seperti berikut:
 - i) Penambahan 3 batalion Pasukan Gerak Am (PGA) dan 3 batalion ATM;
 - ii) Penambahan dan penggantian aset maritime kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
 - iii) Pembahagian sektor rondaan vessel pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

- iv) Respond team/komuniti polising mengikut sektor diantara PDRM, ATM dan APMM;
- v) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- vi) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
- vii) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- viii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- ix) Pengwujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf
- x) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- xi) Engagement dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- xii) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xiii) Melaksanakan pendaftaran awal “*Pump Boat*” bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:
 - i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS
 - ii) Menguatkuasa *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah.
 - iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.
3. Bagi memastikan peningkatan kawalan keselamatan, satu pelan operasi telah diwujudkan dan ianya akan dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Majlis Keselamatan Negara dalam masa terdekat.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 4

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan belanja yang ditanggung oleh Kerajaan dalam usaha mencari pesawat MH370 yang melibatkan banyak Negara, jumlah pampasan yang dibayar kepada waris-waris dan langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan prestasi penerbangan awam Negara.